

B 8789 AAB
MAHATHIR - KAMPUCHEA R R R
(1)
OLEH RACHMAN NORDIN

1985

PHUKET, 17 MEI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA MASIH BELUM ADA TINDAK-BALAS RASMI DARI VIETNAM BERHUBUNG DENGAN +PERBINCANGAN BERPERANTARAAN+ YANG MALAYSIA CADANGKAN SEBAGAI SUATU PENDEKATAN POLITIK UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH KAMPUCHEA.

BELIAU BAGAIMANAPUN YAKIN BAHAWA HASILNYA AKAN TERCAPAI JIKA SEMUA PIHAK YANG TERBABIT DALAM Mencari penyelesaian kepada masalah itu menekankan supaya perbincangan itu diadakan.

SEMASA BERCAKAP DALAM SIDANG AKHBAR DI SINI, BELIAU BERKATA, MALAYSIA TELAH MENYATAKAN KEPADA SOVIET UNION MENGENAI PERLUYA PERBINCANGAN SEUMPAMA ITU DIADAKAN KETIKA TIMBALAN MENTERI LUAR, ENCIK KADIR SHEIKH FADZIR MELAWAT MOSCOW BARU-BARU INI.

WALAU PUN LAPORAN AKHBAR MENYATAKAN BAHAWA SOVIET UNION BERHASRAT MENYAMPAIKAN IDEA ITU KEPADA VIETNAM, SECARA RASMINYA VIETNAM BELUM BERTINDAK-BALAS, KATANYA.

PERDANA MENTERI BERADA DI SINI UNTUK BERBINCANG DENGAN RAKAN SEJAWATANNYA, JEN. TUN PREM TINSULANONDA MENGENAI PERKARA-PERKARA KERJASAMA DUA HALA DAN SERANTAU SEMALAM. -- LAGI.

1957MST 17 05 85

MAHATHIR - KAMPUCHEA 2 PHUKET R R R

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, FORMAT PERBINCANGAN BERPERANTARAAN ITU TELAH DICUBA UNTUK MENYELESAIKAN KONFLIK ISRAEL-ARAB DAN AFGHANISTAN-PAKISTAN.

IA JUGA DISYORKAN SEBAGAI SUATU PENDEKATAN UNTUK MENYELESAIKAN PERPERANGAN IRAN-IRAQ, KATANYA.

BELIAU BERKATA, DALAM MEMBUAT CADANGAN BAGI PERBINCANGAN SEUMPAMA ITU, MALAYSIA PERCAYA PENDEKATAN ITU PERLU DALAM SESUATU KEADAAN APABILA KEDUA-DUA PIHAK TIDAK MENGIKTIRAF ANTARA SATU CANA CITA DAN MEREKA PERLU MEMBINCANGKAN BEBERAPA PERKARA.

BELIAU BERKATA DENGAN FORMAT YANG SAMA, MALAYSIA DAN PIHAK-PIHAK TERBABIT DALAM Mencari suatu penyelesaian kepada masalah KAMPUCHEA ITU BERDAKLAH Mencubanya sebagai salah satu cara mengekalkan aspek yang tidak mengiktiraf itu dan mencari apakah yang difikirkan oleh setiap pihak.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJELASKAN BAHAWA DENGAN CADANGAN ITU, MALAYSIA BUKAN CUBA MENGADAKAN SYARAT SENDIRI KERANA +JIKA KAMI MULA MENGENAKAN SYARAT-SYARATNYA, KAMI MUNGKIN TIDAK AKAN BERJAYA MENGADAKANNYA.+

-- LAGI.

1957MST 17 05 85

0957

B B798 AAB

MAHATHIR - KAMPUCHEA 3 PHUKET R R R

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, MALAYSIA TIDAK MAHU IA DIBUAT MELALUI SATU PENYELESAIAN KENTENTERAAN. PENYELESAIAN POLITIK SEPERTI PERBINCANGAN BERPERANTARAAN MESTI DIADAKAN DAN DIMULAKAN SECEPAT MUNGKIN JIKA SEMUA PIHAK DI KAMPUCHEA BERSETUJU.

SEMASA DITANYA MENGENAI SAMA ADA IDEA PERBINCANGAN ITU SAMA DENGAN SATU PERMUAFAKATAN KEBANGSAAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, APABILA KEDAMAIAN WUJUD DI KAMPUCHEA, BEBERAPA BENTUK PERMUAFAKATAN KEBANGSAAN HARUS AKAN BERLAKU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, MALAYSIA BUKAN CUBA MENGATAKAN BAHAWA SESUATU PIHAK HARUS DIKETEPIKAN, SUPAYA SATU PIHAK LAGI MENGAMBILALIH.

BELIAU MENEKANKAN= +INI BUKANLAH PENDEKATAN MALAYSIA DAN PADA ASASNYA RAKYAT KAMPUCHEA HENDAKLAH HIDUP DI BAWAH KERAJAAN YANG MEREKA PILIH SENDIRI.+

KETIKA DITANYA BILAKAH BELIAU AKAN MELAWAT SEMPADAN THAI-KAMPUCHEA KERANA SEBELUM INI BELIAU DILAPORKAN SEDANG MENIMBANG KE ARAH ITU, DENGAN NADA YANG AGAK PERLAHAN PERDANA MENTERI BERKATA= +ORANG TIDAK MENDEDAHKAN TARIKH UNTUK MELAWAT TEMPAT SEUMPAMA ITU.+
-- BERNAMA.